

**TEKNIK PENGUCAPAN AWAM
YANG MEMBANTU PEMBENTANGAN PELAJAR.**

NORAINI BTE HASHIM

Tesis Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Kejuruteraan

SEPTEMBER 2002



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

DEDIKASI

Untuk suami tercinta :

Syahrhunizam Bin Buyamin

Dan ibu bapa tersayang:

Hashim bin Ali

Siti bte Saniran

Serta ibu bapa mertua yang dihormati:

Buyamin bin Jumaat

Marbiah bte Mansor.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Segala puji dan kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t yang Maha Pemurah dan Mengasihi. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w, Rasul pilihan yang terpuji.

Penulis mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek ini iaitu Tn Haji Ali bin Suradin di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan teguran sepanjang projek ini disiapkan. Tidak dilupakan juga kepada Profesor Dr Zulkifli Mohamad sebagai penilai kertas cadangan projek ini, seterusnya kepada Dr Noraini Kaprawi dan Puan Masni sebagai panel penilai semasa sidang *viva* serta di atas segala teguran dan tunjuk ajar dalam menyediakan laporan akhir projek ini.

Terima kasih juga kepada sesiapa samada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini.

Insya-Allah segala usaha dan kerjasama akan diberkati oleh Allah s.w.t.

ABSTRAK

Pembentangan di institut pengajian tinggi merupakan satu keperluan pada masa kini. Dalam proses ini, pelajar perlu mengaplikasikan teknik-teknik tertentu agar pembentangan mereka menjadi lebih berkesan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan pembentangan seseorang pelajar tidak berkesan dan seterusnya untuk menghasilkan teknik pembentangan yang baik. Proses kajian ini melalui dua peringkat iaitu peringkat keperluan kepada produk dan peringkat penilaian produk. Bagi peringkat kajian keperluan kepada produk, sebanyak 54 orang atau 35.2% daripada pelajar Sarjana PTV KUiTTHO kemasukan Mei 2001 terlibat sebagai responden. Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan responden tidak tahu mengendalikan pembentangan dengan baik. Didapati sebanyak 77.8% daripada responden memerlukan bimbingan bagi melaksanakan pembentangan. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan CD "Teknik Pembentangan Bagi Pelajar" perlu dihasilkan. Peringkat kedua kajian ini adalah berkenaan dengan penilaian produk (CD) tersebut. Seramai 10 orang pensyarah dari JPTV KUiTTHO telah dipilih bagi menilai produk ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa CD "Teknik Pembentangan Bagi Pelajar" boleh membantu pelajar dalam mengendalikan pembentangan.

ABSTRACT

Nowadays, presentation is become important in higher education institution. In the presentation, students need to apply some technique. The main purpose of this study is to produce a product that would help student to make better presentation. Besides that, it purposely to identify factors that cause bad presentation among the student. This research was carried out in two phases. They are need analysis for produce a product and evaluation of product. In need analysis research, the respondents are 54 student (35.2%) of Master in Education in Technical and Vocational, batch May 2001 were filled the questionnaires form. From the surveys, almost all respondents do not know how to present in a better way. From this survey also, the researcher have found that 77.8% of the respondents need guidance on how to make better presentation. So, the *CD* “Teknik Pembentangan Bagi Pelajar” is produce since it is needed by respondents. The next phase is to evaluate the *CD*. From the evaluation, the researcher has found that the *CD* can help student in make presentation.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI KATA SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB I : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Persoalan Kajian	5

1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Definisi Istilah	7

BAB II : SOROTAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan	9
2.1	Aspek-aspek Pengucapan Awam	9
2.2	Pengucapan Awam Di Kelas	13
2.3	Pengucapan Awam Yang Berkesan	14
2.4	Faktor-faktor Pengucapan Awam yang Tidak Berkesan	17
2.5	Program Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional KUiTTHO	18

BAB III : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Kaedah Kajian	21
3.2	Sampel Kajian	22
3.3	Sumber Data	23
3.4	Kajian Rintis	24
3.5	Instrumen Kajian	25
3.6	Batasan Kajian	26
3.7	Kaedah Analisis Data	27
3.8	Kerangka Operasi	28

BAB IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.0	Pengenalan	29
4.1	Rekabentuk Produk	30
4.1.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	30
4.1.2	Kronologi Pembinaan Produk	30
4.1.2.1	Perancangan	31
4.1.2.2	Penyediaan Bahan Media	33
4.1.2.3	Pengeluaran	33
4.1.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	34
4.1.4	Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk	34
4.1.5	Dokumentasi Produk – Manual Pengguna	35
4.2	Penilaian Produk	36
4.2.1	Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	36
4.2.2	Pemilihan Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk	36
4.2.3	Fokus Penilaian	36
4.2.4	Cadangan Pembaikan	37
	Kesimpulan	37

BAB V ANALISIS DATA

5.0	Pengenalan	38
5.1	Analisis Keperluan Produk	39
5.2	Analisis Penilaian Produk	63
5.3	Kesimpulan	74

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0	Pengenalan	75
6.1	Rumusan Hasil Kajian	
6.1.1	Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Pengucapan Awam	75
6.1.2	Faktor-Faktor Pembentangan Yang Tidak Berkesan	77
6.1.3	Keperluan Pelajar Terhadap Teknik Pembentangan	77
6.1.4	Penilaian Produk	78
6.2	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	79
6.3	Kesimpulan	79

RUJUKAN	80
----------------	----

LAMPIRAN A-E	83
---------------------	----

SENARAI JADUAL

2.1	Jadual Kurikulum Ijazah Sarjana PTV KUITTHO	19
3.1	Bacaan Alpha Cronbach mengikut item	24
3.2	Jadual penentuan tahap skor min	27
5.0	Jantina Responden	39
5.1	Umur Responden	40
5.2	Bidang di peringkat Ijazah Sarjana Muda	41
5.3	Pengalaman atau pendedahan terhadap pengucapan awam	42
5.4	Pengalaman – sudah biasa membuat pembentangan	43
5.5	Pengalaman – pernah mengambil mata pelajaran pengucapan awam	43
5.6	Pengalaman – Mengetahui aspek-aspek di dalam pengucapan awam	44
5.7	Tahap pengetahuan responden mengenai aspek- aspek pengucapan awam	45
5.8	Tahap pengetahuan responden mengenai aspek pengucapan	46
5.9	Tahap pengetahuan responden mengenai aspek persediaan	47
5.10	Tahap pengetahuan responden mengenai aspek penyusunan dan rangka kerja pembentangan	48
5.11	Tahap pengetahuan responden mengenai aspek pembentangan	49
5.12	Tahap pengetahuan responden mengenai aspek alat bantuan (<i>audio visual</i>)	50
5.13	Faktor-faktor pembentangan tidak berkesan	51
5.14	Tidak mengetahui teknik pembentangan yang betul	52

5.15	Tidak membuat persediaan yang mencukupi	53
5.16	Takut	54
5.17	Perasaan gementar atau gugup	55
5.18	Merasakan pembentangan itu suatu paksaan	56
5.19	<i>Inferiority complex</i> – perasaan rendah diri	57
5.20	Tiada keyakinan diri	58
5.21	Tekanan daripada rakan sekumpulan	59
5.22	Tiada alat bantuan (<i>visual aids</i>)	60
5.23	Tidak berminat	61
5.24	Adakah responden memerlukan bimbingan dalam melaksanakan pembentangan	62
5.25	Jantina responden (penilaian)	63
5.26	Penilaian produk	64
5.27	Penilaian mengenai isi kandungan produk	65
5.28	Penilaian aspek penjimatan masa	66
5.29	Penilaian aspek susunan isi produk	67
5.30	Penilaian aspek penggunaan istilah	68
5.31	Penilaian aspek ketepatan dan kejelasan isi produk	69
5.32	Penilaian aspek format dan ilustrasi produk	70
5.33	Penilaian aspek nilai moral dan agama	71
5.34	Penilaian dalam aspek membantu pelajar	72
5.35	Penggunaan <i>CD</i> ini adalah mudah	73
5.36	Menarik pengguna	73

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 3.1	Kerangka Operasi	28



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI KATA SINGKATAN

CD	-	<i>Compact Disc</i>
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
JPTV	-	Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
P&P	-	Pengajaran dan pembelajaran
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Laporan Kajian Rintis	83
B	Borang soal selidik keperluan kepada produk	88
C	Borang soal selidik penilaian produk	93
D	Keputusan - faktor pembentangan tidak berkesan	96
E	Senarai nama pensyarah JPTV	97



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Pengucapan awam adalah satu interaksi penghantaran mesej antara seorang pengucap dan sekumpulan pendengar. Ia merupakan satu proses komunikasi yang bertujuan untuk memindahkan mesej dari satu pihak kepada pihak yang lain. Dalam konteks ini, memindahkan dan menyampaikan mesej dengan berkesan menjadi cabaran kepada pengucap yang dipengaruhi oleh banyak faktor.

Di dalam proses pembelajaran di institut pengajian tinggi, kebanyakan pelajar dikehendaki membuat pembentangan. Pembentangan ini memerlukan pelajar mengaplikasikan kaedah-kaedah pengucapan awam agar pembentangan mereka menjadi lebih berkesan.

Memandangkan pembentangan adalah merupakan satu keperluan kursus di dalam setiap matapelajaran bagi kursus Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional [JPTV] di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn [KUiTTHO], maka satu kaedah bagaimana membentangkan hasil kerja dengan baik adalah diperlukan. Pembentangan juga adalah satu proses penyampaian maklumat daripada pengucap kepada pendengar (Jay & Jay, 1996). Menurut mereka, pembentangan bukanlah satu pembelajaran, maka pengucap tidak seharusnya memikirkan bahawa peranannya sebagai seorang guru.

Menurut mereka lagi, pendengar bukan bertujuan menduduki peperiksaan dan menjawab soalan berasaskan topik yang diucapkannya.

Berbeza dengan pendapat mereka, pembentangan pelajar di institut pengajian tinggi [IPT] lebih menjurus kepada topik matapelajaran yang akan digunakan dalam menjawab peperiksaan akhir dan akan diberi markah oleh pensyarah. Jika mesej tidak berjaya disampaikan dengan baik, ini akan menyebabkan rakan sekelas tidak faham, dan memaksa rakan sekelas mengkaji sendiri mengenai topik tersebut. Di samping itu pelajar akan mendapat gred yang rendah.

Di antara faktor yang menyebabkan pembentangan kurang berkesan adalah gaya pembentangan yang kaku (Grice & Skinner, 1998) dan laras bahasa yang sukar difahami (Lucas, 1998 dan Grice & Grice 1998). Perkara ini berlaku mungkin kerana pembentang tidak mengetahui teknik pengucapan awam ataupun mereka tidak pernah atau kurang berpengalaman membuat pembentangan.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Maimunah (2000), pembentangan atau pengucapan awam, samada dalam bidang awam atau sektor pendidikan adalah seperti proses menjual barangan. Bagi menjual sesuatu barangan, penjual mempunyai tugas berat untuk menyampaikan maklumat dan mempengaruhi pelanggan bahawa maklumat yang disampaikan adalah benar dan barangan yang dijual bukan sahaja berguna tetapi juga relevan kepada mereka.

Keupayaan seseorang bercakap dengan yakin dalam membuat pengucapan awam dengan baik dan berkesan adalah amat dipuji. Tetapi tidak semua orang berkemampuan membuat pengucapan awam dengan baik dan berkesan. Pengucapan awam yang berkesan adalah pengucapan yang menarik dan berjaya menyampaikan mesej yang hendak disampaikan kepada pendengar dengan jelas (Maimunah, 2000).

Terdapat beberapa kelemahan dalam pembentangan yang menyebabkan pembentangan menjadi tidak berkesan. Di antara kelemahan dalam pembentangan adalah mesej yang ingin disampaikan tidak difahami oleh audien kerana penjelasan yang tidak jelas (Gamble & Gamble, 1998). Menurut, keadaan ini menyebabkan pendengar akan merasa bosan. Manakala menurut Maimunah (2000) pula, suara yang perlahan menyebabkan pendengar mudah mengantuk dan menyebabkan pembentangan tidak berkesan. Grice & Skinner (1998) pula mengatakan, penggunaan bahasa yang tidak tepat adalah di antara kelemahan pembentangan. Selain daripada itu, suara yang perlahan, tidak jelas dan membaca terus daripada teks atau transparensi juga menyebabkan pembentangan menjadi tidak berkesan (Lucas, 1998). Menurut Tim (1998), membaca terus daripada transparensi atau alat bantuan yang lain akan menyebabkan pendengar mudah mengantuk dan bosan. Ini menyebabkan pendengar akan hilang tumpuan terhadap apa yang didengar.

Bagi pelajar Sarjana PTV KUiTTHO juga, masih terdapat ramai pelajarnya yang tidak dapat membuat pembentangan dengan baik dan berkesan. Melalui pemerhatian peribadi penyelidik, didapati bahawa gaya pembentangan kebanyakan pelajar Sarjana masih lagi agak kaku dan kurang menarik. Dalam konteks persediaan untuk menjadi seorang pensyarah Politeknik, perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Sekalipun sudah berada di Semester 3, masih terdapat ramai pelajar Sarjana PTV yang belum dapat membuat pembentangan dengan baik dan berkesan. Melalui pemerhatian inilah, penyelidik merasakan bahawa satu garis panduan / teknik-teknik pembentangan awam perlu dihasilkan bagi memupuk kebolehan pelajar bercakap dengan baik apabila melakukan pembentangan.

Disamping itu, seandainya produk ini dapat digunakan maka ianya akan melahirkan pensyarah-pensyarah Politeknik yang menguasai kaedah berkomunikasi dan membuat ucapan awam yang baik. Ini adalah satu usaha ke arah peningkatan perkembangan profesionalisme sumber manusia.

Maka kajian ini dibuat untuk mengenalpasti apakah punca ketidakberkesanan pembentangan mereka dan akhirnya akan menghasilkan satu kaedah pengucapan awam yang boleh diaplikasikan dalam pembentangan mereka.

1.3 TUJUAN KAJIAN

- (i) Menenalpasti tahap pengetahuan responden mengenai pengucapan awam.
- (ii) Menenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan pembentangan tidak berkesan.
- (iii) Menenalpasti keperluan pelajar terhadap teknik pembentangan.
- (iv) Menghasilkan teknik pembentangan yang berkesan bagi pelajar.
- (v) Menilai produk yang dihasilkan iaitu modul teknik pembentangan yang berkesan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- (i) Adakah pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO telah diberi pendedahan mengenai kaedah pengucapan awam?
- (ii) Apakah tahap pengetahuan responden terhadap pengucapan awam?
- (iii) Apakah faktor-faktor pembentangan yang tidak berkesan?
- (iv) Adakah pelajar memerlukan bimbingan dalam melakukan pembentangan?
- (v) Adakah produk iaitu *compact disc* (CD) yang dihasilkan ini boleh digunakan bagi membantu meningkatkan kemahiran pembentangan pelajar?



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Bab ini adalah bahagian yang menerangkan mengenai kepentingan kajian ini.

1.5.1 Kepada pensyarah

Kajian ini boleh membantu pensyarah dalam mengenalpasti apakah punca pelajar-pelajar tidak dapat membuat pembentangan dengan baik. Seterusnya pensyarah boleh menyarankan kepada pelajar tentang produk yang akan dikeluarkan bagi kegunaan pelajar dalam pembentangan.

1.5.2 Kepada pelajar dan pembaca

Pelajar-pelajar akan memperolehi garis panduan bagaimana pembentangan yang baik boleh dilakukan. Garis panduan ini boleh diaplikasikan oleh mereka dan juga para pembaca yang bukan daripada kalangan pelajar.

1.5.3 Kepada pengkaji

Kertas projek ini adalah penting bagi pengkaji kerana ianya merupakan keperluan untuk melengkapkan Kursus Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pengkaji juga dapat menambahkan lagi pengetahuan mengenai pengucapan awam dan pembentangan yang berkesan.

1.6 DEFINISI ISTILAH

Bab ini menerangkan mengenai definisi istilah–istilah yang digunakan di dalam kajian ini.

1.6.1 Pengucapan awam

Menurut Maimunah (2000), pengucapan awam adalah proses penyampaian maklumat daripada seorang penghantar kepada ramai penerima dalam satu masa. Lucas (1998) pula mengatakan pengucapan awam adalah penghantaran maklumat kepada sekumpulan pendengar tanpa henti. Ini bermakna proses penyampaian maklumat itu dijalankan secara berterusan selama beberapa tempoh tertentu samada setengah jam, satu jam, 2 jam atau seterusnya.

1.6.2 Pembentangan

Menurut Tim (1998), pembentangan adalah merujuk kepada proses menyampaikan sesuatu maklumat kepada audien. Maklumat yang ingin disampaikan adalah hasil daripada tugas individu. Hasil tugas ini akan dibentangkan kepada orang lain samada rakan sekelas, sepejabat atau orang awam. Untuk tujuan kajian ini pembentangan adalah merujuk kepada pembentangan hasil tugas oleh pelajar kepada rakan sekelasnya.

1.6.3 Tugas

Menurut Mathis (2000), tugas merupakan tugas yang diberikan oleh seseorang yang berautoriti kepada orang bawahannya. Tetapi bagi tujuan kajian ini tugas adalah merujuk kepada tugas yang diberi oleh pensyarah kepada pelajar.

1.6.4 Pembentangan yang berkesan

Menurut Lenny (1997), pembentangan yang berkesan adalah penyampaian maklumat yang dapat difahami oleh pendengar dan dibentangkan dalam situasi yang menarik. Pembentangan yang berkesan dapat mengubah sikap pendengar (Maimunah, 2000). Di dalam kajian ini, maklumat yang ingin dibentangkan adalah merujuk kepada hasil tugas seseorang pelajar yang diberi oleh pensyarah.



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Pengucapan awam adakalanya akan berkesan dan adakalanya kurang berkesan. Jika pembentangan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan, maka mesej yang ingin disampaikan akan mudah difahami oleh pendengar. Kejayaan sesuatu pembentangan itu adalah bergantung kepada beberapa aspek.

2.1 Aspek-aspek pengucapan awam

Maimunah (2000) mengatakan bahawa kesemua aspek pengucapan awam saling mempengaruhi bagi menentukan kejayaan sesuatu pengucapan awam. Ini bermakna aspek-aspek ini perlu diberi perhatian semasa membuat persediaan dan menyampaikan pengucapan awam. Kegagalan memberi perhatian kepada aspek ini akan menghasilkan pengucapan awam yang tidak berkesan (Lucas, 1998). Menurut Maimunah (2000) dan Lucas (1998), terdapat tujuh aspek di dalam pengucapan awam iaitu pengucap (*speaker*), mesej, saluran, pendengar (*audien*), maklumbalas, gangguan dan situasi (*setting*).

2.1.1 Pengucap (*speaker*)

Pengucap adalah individu yang mempunyai mesej untuk disampaikan kepada pendengar dengan tujuan tertentu samada untuk sekadar memaklumkan, mempengaruhi, memberi inspirasi atau menghiburkan (Maimunah, 2000). Manakala Lucas (1998) pula mengatakan, pengucap adalah individu yang menyampaikan mesej kepada pendengar tanpa ada orang lain mencelah percakapannya. Pengucap perlu berusaha untuk menyampaikan mesejnya dengan jelas tepat dan dapat membawa perubahan jika perlu (Jay & Jay, 1996). Sebagai pengucap (*speaker*) perancangan, penyelidikan, persediaan dan latihan yang sewajarnya perlu dilakukan (Lucas 1998). Tim (1998) juga mengatakan bahawa perancangan, penyelidikan, persediaan dan latihan perlu dilakukan sebelum hari pembentangan. Hal ini bagi memastikan pengucap benar-benar bersedia untuk membentangkan hasil kerja atau tugas (Lenny, 1997). Manakala menurut Maimunah (2000), pengucap mestilah mempunyai minat, motivasi, kredibiliti, perancangan, dan membuat persembahan yang terbaik. Minat yang mendalam, motivasi yang tinggi dan perancangan yang rapi akan memberi keyakinan kepada pengucap untuk menyampaikan ucapan (Grice & Skinner, 1998).

2.1.2 Mesej

Menurut Maimunah (2000) mesej ialah maklumat yang hendak disampaikan. Lucas (1998) juga mengatakan maklumat yang hendak disampaikan di dalam proses komunikasi adalah merupakan mesej. Menurut Maimunah (2000), mesej boleh disampaikan melalui pemilihan kata-kata, ayat, bahasa atau simbol-simbol yang dipilih oleh pengucap bagi memastikan mesej dan objektif pengucapan awamnya tercapai. Pemilihan ayat yang menarik dan bahasa yang indah dalam sesuatu ucapan dapat memudahkan objektif sesuatu ucapan itu dicapai (Tim, 1998). Lenny (1997) pula mengatakan simbol, kata-kata dan grafik adalah merupakan bentuk-bentuk mesej dalam sesuatu ucapan.

Rujukan

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2000). *Teori dan teknik ucapan berpengaruh*. Kuala Lumpur: PTS Publication

Ahmad Esa (2001). *Etika profesional dalam pengurusan usahawan: satu analisis lapangan*. Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sosio-ekonomi dan IT.

Cook S. Jeff (1989). *The elements of speechwriting and public speaking*. United States of America: MacMillan.

Deobold Van Dales (1979). *Understanding educational research: an introduction*. United States: McGraw Hill

Gamble Teri Kwal & Gamble W. Michael (1998). *Public speaking: in the age of diversity*. USA: Allyn & Bacon

Gerald Green (1999). *The magic of public speaking*. Malaysia: Gerald Green.

German Kathleen et al (2001). *Principle of public speaking*. United States: Addison Wesley Longman, Inc.

Grice L. George & Skinner F John (1998). *Mastering public speaking*. United States: Allyn and Bacon

Lenny Laskowski (1997). *Presentation skills*. Newington:LJL Seminar.

Lucas E. Stephen (1998). *The art o f public speaking*. United States:McGraw Hill

Maimunah Osman (2000). *Pengucapan awam yang berkesan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka

Mathis Robert L. & Jakscon John H. (2000), *Human resources management*, USA: South-Western College Publishing.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Johor:UTM

Murugadas a/l Ramdas @ Chelamuthu (2001). *Penghasilan dan penilaian modul pembelajaran kadar sendiri (mppk) bagi meningkatkan penggunaan statistik dalam penyelidikan di kalangan pensyarah JPTV KUITTHO* . Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Perbualan lisan (2002) bersama pensyarah-pensyarah JPTV, KUiTTHO. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Risalah JPTV (2002), KUiTTHO. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Velde & Hopkin (1994). Reporting trainess competence: What and how much do employers need to know? *The Vocational Aspect of Education*, 46, 3. 257-269

Zanuddin Mohammad, Norlida Buniyamin dan Nazri Mohamed (2000). *Mission Oriented Curriculum*. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam.

